

KARISMA

KONSEP SYARIAH YANG DIGUNAKAN

a) **Tabarru'**

Pelan ini berpegang kepada konsep Tabarru', di mana Peserta bersetuju untuk menderma atau menyumbang sebahagian daripada sumbangan yang dibayar kepada Dana Risiko Peserta (Dana Tabarru') bagi tujuan saling bantu-membantu dan menghulurkan bantuan kepada Peserta yang memerlukan.

b) **Wakalah**

Pelan ini juga menggunakan konsep Wakalah, di mana Peserta melantik Pengendali Takaful untuk bertindak bagi pihak Peserta untuk melabur dan menguruskan kedua-dua Dana Tabarru' dan Dana Pelaburan. Fi wakalah akan ditolak daripada sumbangan kasar dari setiap pelan. Baki amaun akan diletakkan di dalam Dana Risiko Peserta dan Dana Pelaburan Peserta berdasarkan pada kadar yang dipersetujui.

c) **Dana Risiko Peserta (DRP)**

Sebahagian dari sumbangan yang anda bayar, selepas ditolak fi Wakalah, akan diperuntukkan ke dalam DRP berdasarkan perkadaran yang telah ditetapkan. Jika terdapat sebarang lebihan yang boleh diagih pada akhir setiap tahun kewangan, peserta layak untuk menerima 50% daripada lebihan tersebut selepas ditolak 50% kepada Pengendali Takaful sebagai fi prestasi. Amaun untuk Peserta akan dilaburkan semula dan dikumpulkan dalam DPP.

d) **Dana Pelaburan Peserta (DPP)**

Baki bahagian sumbangan yang selebihnya akan dimasukkan ke dalam DPP. Pada setiap akhir tahun kewangan, 90% daripada untung bersih pelaburan selepas cukai akan dilaburkan semula ke dalam DPP. Baki 10% dari untung pelaburan akan diberikan kepada Pengendali Takaful sebagai fi insentif bagi menguruskan DPP. DPP akan dikumpulkan dan akan dibayar kepada anda semasa akhir tempoh sijil atau semasa penamatan sijil.